



Headline: Awas tipu nombor TAC, pelaburan palsu
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 1 October 2020

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 11

Awas tipu nombor TAC, pelaburan palsu

BUTTERWORTH: Dua individu di sini semalam menjadi mangsa penipuan online membatikan penipuan nombor Kod Pengesahan Transaksi (TAC) dan pelaburan tidak wujud di Facebook yang membatikan kerugian RM7,000.

Kejadian pertama membatikan seorang wanita berusia 28 tahun di Kepala Batas yang kerugian RM3,000 dipedaya sindiket Macau Scam selepas berkongsi nombor TAC dengan individu tidak dikenali.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd. Noor berkata, suspek memaklumkan dia tersilap mendaftar maklumat akaun bank menggunakan nombor telefon mangsa.

“Mangsa diminta menyerahkan nombor TAC yang diterima melalui khidmat pesanan ringkas (SMS).

“Dia yang tidak mengesyaki taktik penipuan itu terus memberikan nombor TAC tersebut,” katanya kepada pemberita di

sini semalam.

Beliau berkata, mangsa hanya menyedari ditipu selepas menerima SMS berikutnya memaklumkan wang RM3,000 di dalam akaunnya dipindahkan ke dalam akaun bank pihak lain.

Dalam kes lain, menurut Noorzainy, seorang pesara di Kepala Batas berusia 54 tahun rugi RM4,000 ditipu skim pelaburan tidak wujud yang diiklankan menerusi Facebook.

Katanya, mangsa yang berusia 54 tahun ditawarkan untuk menyertai pelaburan berjumlah RM350 yang kononnya dapat memberikan pulangan sehingga RM5,450 dalam masa sehari.

“Mangsa yang tertarik dengan tawaran yang diberikan menghubungi ejen berkenaan dan membuat pembayaran secara berperingkat ke dalam akaun bank yang diberikan.

“Mangsa hanya menyedari ditipu selepas diminta melakukan transaksi walaupun pembayaran yang dilakukan sudah mencecah RM4,000,” katanya.